



## Factsheet CAT10

# Kategori-kategori kerja berkenaan kanak-kanak 10: khidmat kaunseling atau khidmat sokongan yang lain

Malay | Bahasa Melayu



Khidmat kaunseling atau khidmat sokongan lain bermakna khidmat terapi untuk menolong atau merawat orang yang ada masalah peribadi, emosi, atau psikologi.

## Jawatan yang dianggap kerja berkenaan kanak-kanak

Di bawah ini ada beberapa jawatan yang dianggap [kerja berkenaan kanak-kanak](#). Harap ingat, dalam semua hal, jawatan itu dianggap kerja berkenaan kanak-kanak kalau **tugas biasa (usual duties)** jawatan itu mesti ada, atau boleh dikatakan ada, **kontak (contact)** dengan seorang **kanak-kanak (child)**. Jawatan yang berkenaan termasuk:

- ahli kaunseling, ahli psikoterapi, dan profesional serupa yang merawat keperluan emosi dan psikologi kanak-kanak
- pekerja sosial atau ahli psikologi yang memberi khidmat kaunseling atau khidmat sokongan keluarga melibatkan kanak-kanak
- ahli patologi percakapan dan ahli terapi pekerjaan yang merawat kanak-kanak dalam perkhidmatan mereka, memberi kaunseling untuk membantu kanak-kanak menguruskan kesihatan dan kesejahteraan diri
- orang yang memberi khidmat kaunseling untuk kanak-kanak yang menghidap penyakit
- orang yang memberi khidmat kaunseling melalui telefon atau online untuk kanak-kanak
- orang yang memberi sokongan kepada kanak-kanak yang perlu menghadapi sistem keadilan
- profesional yang memberi khidmat kaunseling dan khidmat sokongan lain untuk kanak-kanak, yang dirawat di wad kesihatan mental orang dewasa yang biasanya tidak merawat kanak-kanak.

## Exemption (kelonggaran)

Ada beberapa [exemption](#) untuk kategori ini:

- **sukarelawan (volunteers)** muda – kerja yang dilakukan oleh sukarelawan bawah umur 18 tahun

- **pelajar (students)** yang menjalani latihan praktikal tidak dibayar gaji dan umurnya kurang 18 tahun
- **pelawat yang tinggal tidak lama (short-term visitors)** di WA
- kalau kanak-kanak mengikuti aktiviti, atau biasanya mengikuti aktiviti, dan ibu atau bapanya menjadi sukarelawan dalam aktiviti yang sama, lihat [Factsheet CRW03 – Exemptions, the parent volunteer exemption](#)
- pegawai polis yang melakukan tugas sebagai anggota WA Police
- acara besar nasional atau jelajah nasional, lihat [Factsheet CRW02 – Exemptions, one-off national events and national tours.](#)

Makna perkataan **huruf tebal** boleh diketahui dalam glosari Working with Children Check di [www.workingwithchildren.wa.gov.au](http://www.workingwithchildren.wa.gov.au)